



**KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

14 Mac 2020

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan tersebut di negara ini.
2. Pada hari ini, 14 Mac 2020, sebanyak 3 lagi kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 40 orang**. Kesemua kes-kes baru ini mempunyai kaitan dengan kluster perkumpulan keagamaan (tabligh) di Kuala Lumpur, Malaysia di mana seorang adalah ahli jemaah tabligh manakala dua lagi adalah ahli keluarga kepada jemaah tabligh yang telah disahkan dijangkiti COVID-19.
 - Kes 38 ialah seorang lelaki tempatan berumur 17 tahun yang tidak lagi menuntut mahapun tidak berkerja. Beliau telah berada di perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur dan pulang ke tanah air pada 3 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Air Asia dari Kuala Lumpur ke Miri, Sarawak. Beliau tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
 - Kes 39, berumur 38 tahun ialah adik ipar kepada Kes 13 dan isteri kepada Kes 33. Beliau telah menghadiri makan malam keluarga bersama Kes 13 dan Kes 33 pada 4 Mac 2020. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tanda-tanda penyakit.

- Kes 40, berumur 9 bulan adalah anak perempuan kepada Kes 15 yang tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
3. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, semua kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan adalah berada di dalam keadaan yang baik dan stabil, tidak menghidap demam panas pada masa ini dan tidak memerlukan bantuan pernafasan.
 4. Kementerian Kesihatan masih giat menjalankan penyiasatan kontek bagi setiap kes. Setakat ini, sebanyak 638 orang telah diarahkan untuk menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Sementara itu, sejak wabak COVID-19 bermula pada awal Januari 2020, sebanyak 776 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
 5. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa kesemua warga tempatan yang telah menghadiri perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur telah dapat dikesan. Daripada jumlah keseluruhan seramai 85 orang, 76 telah kembali ke tanah air dan telah menjalani ujian makmal bagi COVID-19 di mana 19 orang didapati positif dan 57 orang negatif.
 6. Sementara itu, seramai 9 orang masih berada di Kuala Lumpur, Malaysia di mana 8 orang daripadanya sedang menjalani kurantin dan masih menunggu keputusan makmal bagi COVID-19 manakala seorang penuntut warga Brunei yang telah

didapati negatif ujian makmal COVID-19 sedang menjalani kurantin di Hospital Sungai Buloh, Selangor.

7. Orang ramai, khususnya jemaah tabligh adalah diingatkan untuk tidak menyertai mana-mana perkumpulan tabligh besar-besaran buat masa ini, termasuk perkumpulan tabligh yang akan diadakan pada 19-22 Mac 2020 di Makatto, Sulawesi Selatan, Indonesia.
8. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai bahawa walaupun jumlah kes baru pada hari ini tidak menunjukkan banyak peningkatan, kebanyakan kontek masih menjalani kurantin dan terdapat kemungkinan kes-kes positif baru akan dikesan. Dalam pada itu, tren penularan jangkitan di negara-negara lain di seluruh dunia juga telah menunjukkan peningkatan yang drastik dan walaupun keadaan COVID-19 di negara ini adalah terkawal, risiko kemasukan dan penularan virus tersebut di negara ini masih wujud.
9. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan juga telah meneliti semula *risk categorization* bagi negara-negara yang terjejas dengan COVID-19 dan orang ramai adalah dinasihatkan untuk merujuk laman sesawang Kementerian Kesihatan untuk senarai terkini.
10. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2
Tarikh : 19 Rejab 1441H / 14 Mac 2020M